

22 MAR 1999

Mahathir-Pas

PAS HANYA BOLEH JADI PEROSAK UNTUK LEMAHKAN UMNO -- DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pas hanya boleh menjadi perosak untuk melemahkan Umno pada pilihan raya umum akan datang.

Tujuan mereka ialah agar Umno akan mendirikan kerajaan yang lemah, dan jika ini berlaku maka berjayalah cita-cita pihak lain untuk melihat kerajaan yang lemah di Malaysia yang tidak boleh bercakap lantang, kata beliau.

"Sekarang kerajaan Barisan Nasional (BN) mempunyai lebih dua pertiga kerusi dalam Parlimen dan kita boleh bercakap lantang kerana kita tahu rakyat menyokong pendirian kita.

"Tetapi Pas sedang berusaha melemahkan sokongan itu," katanya pada persidangan media selepas pertemuan dengan pegawai kerajaan dan agensinya, imam dan penghulu di Wisma Darul Aman pada akhir lawatan dua harinya.

Dr Mahathir telah ditanya mengenai ancaman Pas terhadap BN dalam pilihan raya akan datang.

Beliau berkata parti itu sendiri tahu bahawa ia tidak mampu mendirikan kerajaan di negara ini.

"Mereka hanya boleh berjaya di Kelantan, itupun kedudukan mereka sekarang telah tergugat dengan pelbagai masalah," katanya.

Mengenai dakwaan Pas mereka akan dapat menawan beberapa negeri pada pilihan raya umum nanti, Dr Mahathir berkata Pas boleh mendakwa apa sahaja dan boleh membuat sebarang ramalan yang mereka suka.

"Kalau ikut sejarah mengenai ramalan Pas, cukup banyak, kononnya dia boleh menang sana, menang sini," katanya.

Ketika ditanya mengenai hasil lawatannya ke Kedah, Dr Mahathir berkata tinjauan awalnya mendapati sokongan rakyat kepada kerajaan masih kuat walaupun ada golongan yang memang selalu suka menentang kerajaan.

Apabila ditanya sama ada lawatan itu merupakan petunjuk bahawa pilihan raya umum akan diadakan dalam masa terdekat, beliau berkata: "Ada 13 buah negeri dan dua buah wilayah persekutuan yang hendak dilawati dan ia akan memakan masa yang lama."

Dr Mahathir juga berkata Pas mempunyai tafsiran yang lemah tentang agama kerana sekiranya ada kepentingan politik bagi mereka kepentingan agama akan diketepikan.

Katanya ini dapat dilihat pada sokongan Pas kepada Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail untuk bertanding dalam pilihan raya, sedangkan parti itu menolak wanita sebagai ketua.

Dr Mahathir berkata Pas sering menyebut wanita tidak boleh menjadi calon dalam pilihan raya kerana apabila menang mereka akan menjadi pemimpin kepada lelaki.

"Tetapi, sebaliknya mereka menyokong dengan lantang sekali apabila Wan Azizah mahu bertanding."

Wan Azizah, isteri kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah menubuhkan sebuah pertubuhan sosial yang dikenali Angkatan Keadlian Rakyat (ADIL). Laporan berita pernah menyebut bahawa Wan Azizah tidak menolak kemungkinan bertanding bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir adalah anggota Parlimen Kubang Pasu.

-- BERNAMA

MZM JM NMO